

Keng Yaik utama kepentingan BN

BH-3/9/2006

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdulah Ahmad Badawi menyifatkan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik yang akan melepaskan jawatan presiden parti itu tahun depan, sebagai pemimpin yang sentiasa memberi keutamaan kepada kepentingan Barisan Nasional (BN) dan rakyat.

Perdana Menteri berkata, sebagai pemimpin Gerakan, Dr Lim tahu tujuan menjaga kepentingan BN apabila sesuatu keputusan hendak dibuat.

Sambil melahirkan rasa sedih apabila mendengar ucapan Dr Lim yang menyatakan itu adalah ucapan terakhirnya sebagai Presiden parti pada Persidangan Perwakilan Nasional Gerakan kerana akan meletak jawatan tahun depan, Abdullah berkata, Dr Lim adalah orang yang sentiasa berterus terang.

"Dalam mesyuarat parti Barisan Nasional (BN) dan Kabinet, saya tahu apabila masa untuknya bercakap, Keng Yaik sentiasa begitu berterus terang.

"Dia cakap apa yang nak dikeluarkan dari

hati... tetapi sebagai pemimpin kerajaan, beliau menghargai BN. Bukanlah terlalu awal untuk saya katakan terima kasih kepadanya atas kerjasama kepada saya dan rakan dalam BN," katanya ketika merasmikan Persidangan Perwakilan Nasional

“*Dia cakap apa yang nak dikeluarkan dari hati... tetapi sebagai pemimpin, beliau menghargai BN. Bukanlah terlalu awal untuk saya katakan terima kasih kepadanya atas kerjasama kepada saya dan rakan dalam BN”*

Abdulah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

ke-35 Gerakan di Menara PGRM di sini semalam.

Abdullah yang juga Pengerusi BN, berkata parti komponen BN mesti memastikan kekuatan politik masing-masing yang melaluinya wujud kestabilan politik seperti yang dimahukan rakyat.

Katanya, kestabilan politik yang ada mesti dipelihara kerana jika terjejas, biasanya akan menyebabkan kehilangan pelaburan dan membantutkan pembangunan.

Beliau berkata, meskipun kadang kala akan timbul masalah dalam BN yang dianggotai banyak parti komponen, tetapi semua itu ditangani secara bersama dengan mengutamakan rakyat seluruhnya.

"Yang penting kita mesti tunjukkan sebagai parti, kita setia kepada rakyat, raja dan negara. Kita jadi kuat kerana sokongan rakyat.

"Ini amanah yang kita pikul dan hanya dapat dilaksanakan dalam muafakat dan mengutamakan bangsa dan masa depan bersama," katanya.